

27/10/1998

ITM terima Anugerah Inovasi Alam Sekitar

INSTITUT Teknologi Mara (ITM), Shah Alam menerima Anugerah Inovasi Alam Sekitar Persatuan Rekacipta dan Reka Bentuk Malaysia (Minds)/Henry Goh, anugerah pertama bagi kemajuan pemeliharaan alam sekitar di negara ini.

Anugerah yang disertakan dengan wang tunai itu diberikan bagi ciptaan inovatif untuk alam sekitar dan ditaja oleh Henry Goh & Co Sdn Bhd.

Presiden dan Ketua Pegawai Eksekutifnya, Henry Goh, berkata anugerah itu bertujuan menggalakkan penyelidikan dan pencipta tempatan meneroka kaedah baru bagi memelihara atau memajukan alam semula jadi.

"Kita dikurniakan dengan alam sekitar yang menakjubkan, jadi penting bagi kita mencari kaedah-kaedah baru untuk memelihara serta menguruskan apa yang masih wujud sebagai warisan kepada generasi masa depan.

"Bahkan, pereka cipta yang berpotensi di Malaysia semakin meningkat dan kita perlu memberi galakan kepada golongan ini," katanya selepas penyampaian anugerah itu oleh Menteri Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna, Datuk Seri Megat Junid Megat Ayob di Petaling Jaya, baru-baru ini.

Hadir sama ialah Presiden Minds, Tan Sri Augustine Ong.

Anugerah berkenaan dimenangi oleh kakitangan Jabatan Perabot ITM, Shah Alam melalui kajiannya mengenai penggunaan sisa daripada pelepah kelapa sawit.

Goh berkata, anugerah itu seiring dengan penekanan Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad terhadap penciptaan, penguasaan dan penggunaan sains serta teknologi moden.

Katanya, anugerah itu memberi peluang kepada rakyat Malaysia yang inovatif mengetengahkan kaedah baru bagi mengurus dan memelihara alam sekitar.

Antara bidang alam sekitar yang diterokai termasuklah pemeliharaan sumber hutan, kawalan pencemaran udara, rawatan air buangan dan rawatan kumbahan.

Sebanyak 12 penyertaan bersaing untuk merebut anugerah tajaan syarikat yang ditubuhkan pada 1977 itu.

Henry Goh & Co Sdn Bhd adalah syarikat perlindungan hak intelektual utama di Malaysia dan menawarkan perkhidmatan paten, cap dagang, reka cipta dan hak cipta.

(END)